

# USIM menangi dua pingat emas dalam NRIC 2014

SEREMBAN 12 Sept. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus melakar sejarah di pentas antara-bangsa dalam bidang inovasi apabila dua hasil ciptaan pelajar mereka mendapat pingat emas dalam *Novelty Research Innovation and Competition (NRIC) 2014* pada Ogos lalu.

Dua hasil ciptaan pelajar USIM yang mengondol anugerah tersebut adalah produk *Crushy Snack Bar* dan *Novel Active Membrane for Dyes Wastewater* sekali gus melayakkan mereka untuk bersaing dalam *British Invention Show (BIS) 2014* yang akan diadakan Oktober ini.

Wakil pelajar projek bagi produk *Crushy Snack Bar*, **Muzammeer Mansor**, 22, berkata, mereka akan menambah baik produk mereka dari segi -pembungkusan dan persembahan projek bagi memastikan kemenangan milik USIM.

"Ini merupakan satu pengiktirafan yang tinggi buat kami namun persediaan bagi menghadapi BIS 2014 nanti perlu dilakukan dari aspek memantapkan kualiti produk," katanya yang merupa-

kan pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Bio Teknologi Makanan.

Beliau ditemui pada Majlis Penghargaan Pengurusan Universiti kepada peserta NRIC di sini hari ini yang turut dihadiri oleh Naib Canselor USIM, Datuk Dr. Musa Ahmad.

Sementara itu, wakil kumpulan produk *Novel Active Membrane for Dyes Wastewater*, **Riza Asma'a Saari**, 22, berkata, terdapat pihak yang sudah berminat pada produk mereka untuk dikomersialkan di pasaran.

Riza Asma'a yang juga pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kimia Industri berkata, bagi pertandingan BIS 2014, kumpulannya akan menambah baik elemen mesra alam.

"Kami bersyukur kerana produk kami ini dapat diterima dan memenangi anugerah berkenaan. Perseediaan telah kami buat dan dari segi penambahbaikan produk juga akan kami lakukan yang menekankan konsep mesra alam serta persembahan," katanya.